

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
(JANMPP)
BAGI BULAN FEBRUARI 2024

- 1. MESYUARAT BERSAMA JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG BERSAMA UNIT NAZIRAN – 08.02.2024**

- 2. PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BULAN FEBRUARI TAHUN 2024 – 14.02.2024**

- 3. LAWATAN KERJA DARI BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM) KE JANMPP – 19.02.2024**

- 4. KURSUS GENERIK : KURSUS PENGENALAN KEPADA MPSAS ZON UTARA (PULAU PINANG) – 20 – 22.02.2024**

- 5. KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JANMPP KE JABATAN KERJA RAYA PULAU PINANG – 21.02.2024**

LAPORAN AKTIVITI BULANAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN FEBRUARI 2024

1. MESYUARAT BERSAMA JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG BERSAMA UNIT NAZIRAN – 08.02.2024

Pada 08.02.2024, satu mesyuarat Bersama Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Pulau Pinang bersama Unit Naziran JANMPP telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Kesidang JANMPP yang dianggotai oleh 29 orang pegawai JANMPP. Mesyuarat ini bertujuan untuk memberi nilai tambah maklumat berkaitan perundangan Tanah Persekutuan di negeri Pulau Pinang melibatkan 113 Pusat Tanggungjawab. Mesyuarat ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang berkenaan rekod, daftar dan dokumentasi pembuktian hak milik pusat tanggungjawab untuk Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat ini dijadikan sebagai satu platform komunikasi dua hala untuk mitigasi risiko pemeriksaan aset tanah dan bangunan di Pusat Tanggungjawab.

Gambar-gambar semasa mesyuarat:





2. PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BULAN FEBRUARI TAHUN 2024 – 14.02.2024

Perhimpunan Bulanan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bulan Februari Tahun 2024 telah diadakan pada 14 Februari 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7 Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Warga JANM Pulau Pinang telah bersama-sama mengikuti dan mendengar amanat dari YBrs Akauntan Negara Malaysia ini secara atas talian yang bermula pada jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi di Bilik Mesyuarat Kesidang JANMPP.

Hebahan Program

**PERHIMPUNAN
BULANAN
FEBRUARI 2024**

**14 FEBRUARI 2024
RABU | 8.30 PAGI**
DEWAN SERBAGUNA ARAS 7,
JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA

Pn. Nor Yati binti Ahmad C.A.(M)
Akauntan Negara Malaysia

TEMA:
LET'S SOAR OUR VALUES
SUCCESS
OF
ASSET
REVALUATION

ANJURAN
PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

OFFICIAL JANM
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Gambar-gambar semasa perhimpunan bulanan:



3. LAWATAN KERJA DARI BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM) KE JANMPP – 19.02.2024

Satu lawatan kerja dari Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) Ibu Pejabat telah diadakan pada 19.02.2024 yang didatangi oleh 3 orang pegawai. Lawatan Kerja ini bertujuan membincangkan hal-hal berkaitan bilik server JANM Pulau Pinang. Pihak BPTM telah memberikan khidmat nasihat berkaitan teknikal dan juga Sistem Pencegah Kebakaran di bilik server.

Gambar-gambar semasa lawatan kerja:





4. KURSUS GENERIK : KURSUS PENGENALAN KEPADA MPSAS ZON UTARA (PULAU PINANG) – 20 – 22.02.2024

Pada 20 hingga 22 Februari 2024, Kursus Generik pertama bagi tahun 2024 iaitu Kursus Pengenalan Kepada MPSAS Zon Utara (Pulau Pinang) telah dijalankan di Bilik Latihan JANMPP Tingkat 40. Kusus ini telah dihadiri oleh seramai 21 orang peserta. Tiga orang penceramah yang merupakan pegawai JANMPP iaitu Puan Ropizah binti Yasin, Akauntan WA44; Puan Anis Nabilah binti Amiruslan, Akautan WA44 (KUP); dan Encik Kartik A/L Suresh, Akauntan WA41, telah menyampaikan taklimat bagi kursus ini.

Gambar-gambar semasa kursus dijalankan:





5. KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JANMPP KE JABATAN KERJA RAYA PULAU PINANG – 21.02.2024

Pada 21.02.2024 Pengarah JANMPP telah membuat lawatan kunjungan hormat ke Jabatan Raya Pulau Pinang. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan projek mengubahsuai tandas di JANMPP agar proses pengubahsuaian ini berjalan dengan lancar.

Gambar bersama pihak Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang :

